

Rujukan Kami: MPERAK.100-1/5/1 - (98)

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera,

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

MAKLUMAN BERKENAAN PEMBUKAAN PENUH MAHKAMAH SESYEN SERI MANJUNG, MAHKAMAH MAJISTRET PARIT DAN PENGOPERASIAN MAHKAMAH MAJISTRET KAMPAR SECARA LITAR

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan kepada YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan bahawa, **Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret** telah ditempatkan **secara tetap** di **Mahkamah Sesyen Seri Manjung** dan di **Mahkamah Majistret Parit**. Oleh yang demikian, **Mahkamah Sesyen Seri Manjung** dan **Mahkamah Majistret Parit** akan beroperasi **secara penuh** mulai **4 Ogos 2025**.

3. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan juga, **Mahkamah Majistret Kampar** akan mula beroperasi **secara litar** pada **setiap hari Isnin dan Jumaat** berkuat kuasa mulai **4 Ogos 2025**. Mahkamah Majistret Tapah akan mendengar kes-kes Sivil dan Jenayah di bawah bidang kuasa Mahkamah Majistret yang didaftarkan di Mahkamah Majistret Kampar.

4. Oleh yang demikian, mohon kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/Tuan/ Puan untuk memaklumkan perkara ini kepada semua pihak yang terlibat di Jabatan/ Agensi YBhg. Datuk/ Dato'/Tuan/ Puan. Sekiranya YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan mempunyai sebarang kemusykilan/pertanyaan, pegawai-pegawai berikut boleh dihubungi:

3.1 Puan Noor Azreen Liana binti Mohd Darus

Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Rendah Ipoh
No. Telefon: 605-241 5555/samb. 113

3.2 Tuan Mohammad Salehudin bin Abd Sani

Penolong Pendaftar Mahkamah Sesyen/Majistret Ipoh
No. Telefon: 605-241 5555/ samb. 430

4. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai.

'MALAYSIA MADANI'

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,
-meor-

(MEOR SULAIMAN BIN AHMAD TARMIZI)

Pengarah

Mahkamah Negeri Perak

(+605-241 5555)

* meor@kehakiman.gov.my